

18 JUN 1998

Pemuda-Zahid (nepotisme)

ZAHID JELASKAN MAKSUD "NEPOTISME" DAN GESA AMALAN ITU DIBANTERAS

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata teguran pergerakan itu terhadap amalan "nepotisme" bukan bertujuan mempertikaikan dasar tetapi mahukan ketelusan dalam pelaksanaan dasar-dasar.

Beliau berkata teguran itu tidak harus dikelirukan dengan pelaksanaan dasar-dasar yang disepakati seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan pelaksanaan "affirmative action" untuk membantu orang Melayu.

Ini termasuk soal kuota, biasiswa, peluang pendidikan yang telah dipersetujui bersama sebagai hak Bumiputera di negara ini, katanya ketika berucap pada perhimpunan agung pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

"Saya ingin menjelaskan makna dan maksud nepotisme dan kronisme ialah amalan atau perbuatan mementing dan melebihkan sanak saudara, suku sakat dan handai taulan yang kini melampaui batas kaum dan agama," katanya dalam ucapan yang bertemakan "Memperkasa Dayatahan, Menjana Reformasi".

Sambil menegaskan Pemuda akan terus menegur amalan nepotisme, pergerakan itu menuntut mana-mana usaha menyelamatkan dan bantuan yang dihulurkan kepada syarikat-syarikat besar dilaksanakan secara telus dan terbuka bagi memelihara keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Sejak dua minggu lepas, Zahid telah membangkitkan soal nepotisme dan kronisme dalam agihan peluang-peluang ekonomi dan berjanji untuk menghuraikan isu itu dalam ucapannya pada perhimpunan berkenaan yang sebelum itu dirasmikan serentak dengan perhimpunan Wanita oleh Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Zahid menegaskan bahawa teguran mengenai nepotisme dan kronisme yang dibangkitkan sebelum ini tidak harus dilihat sebagai suara kritikan melulu atau senada dengan pihak asing.

"Suara kita suara rakyat, suara bangsa yang mahu melihat negara terus mantap, suara kita adalah suara kecintaan kepada maruah dan masa depan kuasa politik Melayu. Itulah suara Pemuda Umno," katanya.

Ketelusan yang dituntut oleh Pemuda adalah semata-mata bertujuan mengukuhkan parti dan perjuangannya, katanya dan menambah budaya Umno selama ini yang berpegang kepada keterbukaan perlu terus dipertahankan.

Katanya, amalan menegur dan meraikan pandangan ahli di peringkat akar umbi perlu dihormati dan sebarang perbezaan pendapat yang timbul adalah merupakan kelaziman dalam memastikan kelangsungan perjuangan.

Beliau berkata adalah malang jika perbezaan pendapat dilihat sebagai penentangan dan adalah mendukacitakan apabila suara-suara akar umbi ditafsirkan sebagai suara yang boleh membawa kepada perpecahan.

Katanya, lebih mengecewakan, suara yang bertujuan melihat kerajaan lebih telus, parti lebih mantap dan pemimpin lebih bertanggungjawab dikatakan mengikut telunjuk orang asing.

Pendedahan kepada penyimpangan ini tidak harus diertikan sebagai langkah membuka pekung didada tetapi melambangkan keunggulan ahli mengakui kelemahan-kelemahan yang terdapat dan bersedia secara bersungguh-sungguh untuk mengatasinya.

Zahid berkata perlu akui bahawa dasar dan pendekatan yang diadun selama ini tidaklah sempurna seratus peratus dan jika terdapat kelemahan, tidak ada sebab pembetulan tidak boleh dilakukan.

"Kesediaan kita melakukan pembetulan akan meningkatkan keyakinan rakyat

kepada kerajaan dan parti," katanya.

"Persoalannya, apakah dengan menegur kepincangan-kepincangan ini akan membawa perpecahan kepada parti. Apakah generasi muda yang semakin celik pengetahuan dan minda yang sarat dengan pelbagai maklumat tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku.

"Apakah dengan tidak menampilkan isu ini, ahli-ahli akademik, golongan profesional, para usahawan boleh terus dibohongi bahawa salah laku tidak wujud dalam pelaksanaan dasar-dasar kita?," katanya.

Katanya, jika mengenengahkan suara kebenaran demi untuk mencari keadilan merupakan dosa besar, beliau tidak tahu apa bentuk perjuangan politik yang boleh Pemuda bawa di dalam Umno.

"Apakah budaya ayam belanda yang sentiasa mengganggukan kepala apabila berdepan tetapi menghina, mencela, mengutuk dan mengadu domba di belakang menjadi amalan berpolitik kini," katanya.

Jika inilah amalan yang diterima pakai, nescaya bukan sahaja parti, malah negara akan menjurus kepada kehancuran, katanya.

Zahid menegaskan apa yang diharapkan pemuda ialah pembedahan dan muhasabah dan amalan negatif seperti pembaziran, rasuah, pilih kasih dan mengutamakan suku sakat perlu dibanteras.

Beliau juga berkata Pergerakan Pemuda membawa perkara-perkara yang menyentuh mengenai pembaharuan dan reformasi kerana ini merupakan amanah dan yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat kepada Umno.

"Adalah lebih menyakitkan jika isu-isu pembaharuan dan reformasi ini dibangkitkan oleh suara-suara sumbang parti-parti pembangkang," katanya.

Zahid berkata Pemuda tidak mahu timbul kebimbangan di kalangan rakyat khususnya, syarikat-syarikat yang dahulunya membolot agihan kekayaan, kembali membebankan kerajaan dan minta diselamatkan.

Katanya, syarikat-syarikat ini semasa ekonomi negara sedang rancak dikatakan setanding dengan syarikat multi-nasional di peringkat antarabangsa dan mampu berdikari.

Menurutnya pengalaman membantu syarikat semasa berlakunya krisis ekonomi telah dilalui di beberapa negara dan proses perbincangan dan perdebatan dijadikan forum untuk mengkaji dan meneliti langkah yang harus diambil untuk menyelamatkan syarikat-syarikat itu.

"Ketelusan seperti inilah yang diharap dapat diterjemahkan. Apabila kita berbicara tentang pembaharuan, inilah pembaharuan dan perubahan yang kita minta ... sekali lagi kita bukan menunding jari, jauh sekali mahu menyanggah," katanya.

Katanya, Pegerakan pemuda UMNO akan terus menyokong kerajaan dan langkah menyuarkan kepincangan-kepincangan itu tidak bermaksud untuk menaik atau menjatuhkan mana-mana pemimpin.

"Meluruskan yang tempang dan memperbaiki kepincangan jangan dikaitkan dengan isu kepimpinan. Saya tidak pernah berbicara tentang menaik atau menjatuhkan mana-mana pimpinan," katanya.

"Saya dan naib (ketua Pemuda) Datuk Hishammuddin serta semua barisan exco pemuda terus menyokong pucuk pimpinan. Malah kita tidak berminat untuk membuang masa terlibat dengan adu domba mereka yang ingin melihat Umno porak poranda," katanya.

"Bagi kita pergerakan pemuda perlu jambatan dengan kepimpinan, dalam dewan ini kita ada Mokhzani Mahathir yang menjadi jambatan kukuh antara pemuda dengan pucuk pimpinan," katanya disambut dengan tepukan gemuruh daripada 495 perwakilan bahagian.

--BERNAMA

ARa WAT